

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
21 January 2016

Petronas perlu modal banyak untuk kekal stabil

uhm - 21/1/2016

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
ekonomi@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 20 JAN.

SYARIKAT minyak negara, Petronas memerlukan modal yang banyak dan besar untuk memastikan operasi syarikat terus berada dalam keadaan stabil pada masa depan.

Penasihat kepada syarikat minyak negara itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa ini hasil penjualan Petronas tidak begitu memberangsangkan selain tidak mempunyai perbelanjaan modal (capex) untuk mengembangkan kegiatan Petronas dalam bidang minyak dan gas (O&G).

"Untuk Petronas meneruskan operasi, modal yang besar diperlukan, umpamanya bagaimana untuk mengeksploitasi pegangan saham daripada syarikat minyak di Kanada, ia perlukan wang yang banyak.

"Tetapi Petronas sekarang hasil penjualan minyak tidak begitu besar untuk mengembangkan kegiatan syarikat," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor yang mahu menunjukkan pakaian angkasawan yang dipakainya dalam misi ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada 2007 lalu.

Beliau mengulas tindakan Petronas mengurangkan perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasinya sebanyak RM50 bilion untuk tempoh empat tahun akan datang termasuk menghentikan beberapa

projek ekoran tekanan akibat kejatuhan harga minyak dunia.

Petronas dijangka mengumumkan penstrukturan semula perniagaannya termasuk membabitkan pemotongan gaji kakitangan sebanyak 20 hingga 30 peratus untuk peringkat pengurusan atasan serta kemungkinan melaksanakan empat hari bekerja.

Petronas mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.35 bilion pada suku ketiga 2015 dengan pendapatan sebanyak RM60.06 bilion.

Nilai itu menyusut jika dibandingkan dengan keuntungan RM15.07 bilion dan pendapatan RM80.37 bilion yang dicatatkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Syarikat itu dijangka mengumumkan prestasi penuh bagi 2015 pada bulan depan.

Pada awal 2015, Petronas mengumumkan untuk mengurangkan perbelanjaan modalnya sebanyak 10 peratus dan perbelanjaan operasi sehingga 30 peratus dan seterusnya 15 peratus lagi pada 2016.

Dalam sesi pembentangan prestasi kewangan suku ketiga pada November lalu juga, Petronas turut mempamerkan purata harga minyak dunia jenis Brent pada 2015 iaitu AS\$55.39 (RM243) setong berbanding tempoh sama 2014 yang berharga AS\$106.57 (RM468) setong.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Datuk Wan Zulki-flee Wan Ariffin berkata, Petronas hanya akan membayar dividen kepada kerajaan sebanyak RM16 bilion untuk tahun 2016 berdasarkan jangkaan harga minyak purata yang rendah tahun 2015.

Ia merosot berbanding RM26 bil-

ion yang dibayar pada tahun lalu, yang berlandaskan harga minyak purata pada 2014.

Tambah beliau, dalam rancangan perbelanjaan syarikatnya, bagi tahun 2016 Petronas akan berlandaskan kepada harga purata minyak dunia AS\$48 (RM211) setong.

Ekoran kejatuhan harga minyak itu juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bakal membentangkan pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari ini selepas mengambil kira harga komoditi dunia yang terus merosot.

Suku ketiga
2015, keuntungan
selepas cukai
RM1.35
bilion, pendapatan
RM60.06
bilion.

Suku ketiga
2014, keuntungan
selepas cukai
RM15.07
bilion, pendapatan
RM80.37
bilion.

Dividen
yang dibayar
kepada kerajaan
2015,
RM26 bilion.

Anggaran
dividen
yang dibayar
kepada
kerajaan 2016,
RM16 bilion.

Untuk Petronas meneruskan operasi, modal yang besar diperlukan umpamanya bagaimana untuk mengeksploitasi pegangan saham daripada syarikat minyak di Kanada...

DR MAHATHIR MOHAMAD
Penasihat Petronas

